

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 28 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan protokol rawatan bagi pesakit COVID-19 yang di tahap serius dan tenat yang diikuti oleh Kementerian Kesihatan. Berapa peratus kejayaan bagi protokol itu dan berapa anggaran kos bagi seorang pesakit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak kemunculan pandemik COVID-19, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah **membangunkan protokol rawatan COVID-19 yang dikemaskini** berdasarkan **saranan badan antarabangsa** seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organization* - WHO), kajian saintifik dan keberkesanan rawatan ke atas pesakit-pesakit di Malaysia dan di luar negara.
2. Sehingga kini **tiada ubat khusus bagi merawat COVID-19**. Protokol rawatan terkini berpandukan tahap klinikal COVID-19, status klinikal pesakit, keputusan ujian makmal dan radiologi serta pelan rawatan pesakit.
3. Pelan rawatan bagi pesakit COVID-19 di Malaysia adalah berdasarkan lima (5) tahap klinikal iaitu:

Tahap 1 : Tidak bergejala

Tahap 2 : Bergejala tanpa radang paru-paru

Tahap 3 : Bergejala dengan radang paru-paru

Tahap 4 : Bergejala dengan radang paru-paru dan memerlukan bantuan oksigen

Tahap 5 : Pesakit kritikal dengan penglibatan *multiorgan*

4. Pesakit COVID-19 tahap 4 dan 5 akan ditempatkan di dalam Unit Rawatan Rapi (ICU) di mana terdapat penglibatan pelbagai disiplin bagi penjagaan yang komprehensif. Protokol rawatan bagi pesakit intensif adalah seperti berikut:

4.1 Sokongan Alat Bantuan Pernafasan dan Tanpa Alat Bantuan Pernafasan (*Ventilatory* dan *Non-Ventilatory*)

Bagi pesakit yang serius dan tidak stabil, alat bantuan pernafasan atau sokongan oksigen akan diberikan.

4.2 Rawatan Antiviral, Antibiotik dan *Immuno-modulatory*

Pada ketika ini, rawatan pesakit menggunakan ubat adalah berdasarkan tahap klinikal dan keadaan pesakit. Di antara ubat yang digunakan adalah ubat Antiviral dan ubat *Immuno-modulatory* yang berfungsi untuk memperbaiki respons sistem pertahanan tubuh. Ubat Antibiotik diberi jika pesakit disyaki atau disahkan mendapat jangkitan bakteria.

4.3 Rawatan Profilaksis Ubat Pencair Darah bagi *Venous Thromboembolism*

Rawatan ini hanya diberikan kepada pesakit dalam kategori klinikal tahap 4 dan 5 bagi mengelakkan keadaan darah beku di dalam saluran darah (*Venous Thromboembolism*) yang boleh menyebabkan kematian.

4.4 **Sokongan Hemodinamik**

Rawatan cecair atau infusi intravena akan diberikan kepada pesakit bagi mengekalkan hemodinamik dan mengelak terjadinya keadaan renjatan akut yang mengancam nyawa (*shock*). Ubat-ubat inotrope juga diberikan kepada pesakit sekiranya perlu.

4.5 **Terapi Nutrisi**

Pemberian nutrisi melalui *Naso Gastric Tube feeding* kepada pesakit akan dimulakan dalam masa 24 – 48 jam setelah pesakit masuk Unit Rawatan Rapi (ICU).

5. Selain daripada rawatan yang telah dinyatakan, pemantauan kadar gula darah pesakit, **pemberian ubatan profilaksis** bagi mengelak *stress ulcer*, pergerakan awal pesakit turut diberikan.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Protokol ini sentiasa dikemaskini berdasarkan perkembangan terkini dan bukti saintifik dari masa ke semasa. Kementerian Kesihatan sentiasa komited dalam memberikan rawatan yang terbaik kepada pesakit COVID-19.

7. Berdasarkan data COVID-19 di Malaysia, **pada 23 Julai 2020, kadar kes pulih dan discaj dari wad adalah sebanyak 97%, lebih tinggi berbanding kadar sembuh global iaitu 56.7%.** Manakala daripada 290 pesakit yang tenat dan menerima rawatan di unit rawatan rapi (ICU), seramai 189 orang (65.2%) telah sembuh dan discaj. *Outcome* pesakit dipengaruhi oleh faktor usia, penyakit sedia ada termasuk darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan kegagalan fungsi buah pinggang. *Outcome* pesakit turut dipengaruhi oleh komplikasi COVID-19 seperti pembentukan darah beku di dalam paru paru yang dikenali sebagai *Pulmonary Embolism*, tindak balas sistem pertahanan tubuh yang keterlaluan (Cytokine Storm) serta kerosakan pada tisu paru-paru yang boleh menyebabkan jangkitan bakteria.

8. Jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 sehingga 23 Julai 2020 di Malaysia adalah sebanyak 123 kes iaitu 1.4% daripada jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Malaysia berbanding 4.1% kadar kematian peringkat global. Ini menunjukkan protokol rawatan COVID-19 di Malaysia adalah efektif.

9. Anggaran kos perawatan pesakit COVID-19 yang tenat (tahap 4 dan 5), dengan mengambil kos median sebanyak RM870 sehari serta purata tempoh kemasukan selama 21 hari menjadikan anggaran jumlah kos rawatan sebanyak RM18,270 bagi setiap pesakit (RM870 x 21 hari).

Sekian, terima kasih.